

>> Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing untuk menangani gejala buli ini dari terus berleluasa di sekolah

HARIAN METRO

HARIAN METRO




Noor Mohamad Shakil Hameed

Nampaknya masalah buli masih terus berlaku dan dilihat begitu sukar untuk ditanganinya secara berkesan. Apabila video mahupun gambar sesuatu insiden buli mula tersebar terutama melalui media sosial, barulah semua pihak mula bercakap tentang kes buli. Selepas itu kita akan kembali diam dan tidak pernah mempedulikan lagi tentang isu ini sehingga esok lusa ada lagi pendedahan lain kes buli dalam media. Begitulah lumrah kehidupan dan tahap keprihatinan masyarakat kita dalam kebanyakan perkara yang berlaku dalam negara kita. Kita tidak lebih umpama hangat-hangat tahi ayam sahaja.

Antara beberapa kes buli yang dilaporkan pada tahun ini pada Mac lalu seorang murid tahun dua, Muhammad Ali Shukri Alias dari Sekolah Kebangsaan Bukit Tinggi, Klang mendakwa dipaksa rakan untuk menggunting lidah. Pada April pula, seorang pelajar di Pengkalan Chepa, Kelantan, Aiman Hazim Zulkiflee, 15, retak di bahagian leher akibat dibelasah seorang pelajar lain yang dipercayai membulinya. Pada Ogos pula seorang pelajar tingkatan dua Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Parit, Perak mengadu dibuli lima pelajar senior asrama di maktab berkenaan. Dan dalam satu lagi kejadian, pelajar SMK Khir Johari, Sungai Petani, Muhammad Anas Amir, 14, mengalami pendarahan dalam kepala selepas dipercayai dipukul dan dihentak kepala ke dinding oleh beberapa orang pelajar tingkatan tiga. Manakala kes terbaru kecoh apabila videonya mula menjadi viral dalam laman sosial membolehkan seorang murid memukul rakannya di Sekolah Agama Negeri (SAN) Putatan. Video berdurasi 28 saat itu menunjukkan seorang murid lelaki ditumbuk bertubi-tubi, ditendang, ditampar dan dihentak dengan kerusi plastik di sekolah agama berkenaan.

Ini antara beberapa kes buli yang menarik perhatian



KEJADIAN seorang murid memukul rakannya di Sekolah Agama Negeri (SAN) Putatan yang vital, baru-baru ini.

Masalah buli yang tidak berkesudahan

masyarakat dan apa yang pasti kes yang didedahkan ini jelas menunjukkan kes buli sememangnya melangkaui elemen umur, jantina dan juga bangsa. Ini menunjukkan kes buli masalah universal yang tidak mengenal mangsa dan pendedahan demi pendedahan seperti ini pula sepatutnya mencetuskan rasa takut dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat kita. Pokok pangkalnya kita tidak mahu kes buli terus berleluasa dalam masyarakat kita.

Persoalan utama di sini kenapa kes buli terus berlaku walaupun begitu banyak kes buli dan penderaan didedahkan sebelum ini. Ternyata ia tidak pernah menjadi iktibar dan pengajaran kepada masyarakat kita terutamanya kepada pelaku yang terbahit. Pada pandangan penulis terdapat beberapa faktor signifikan yang dilihat menjadi pendorong utama

yang menyumbang kepada berlakunya gejala buli dalam kalangan pelajar sekolah kita. Antaranya kelemahan dalam peranan ibu bapa membimbing dan mendidik anak masing-masing. Individu yang berani melakukan buli mahupun aksi ganas termasuk daripada kalangan perempuan sudah semestinya individu yang kebanyakan masalah yang membabitkan remaja berpunca daripada keluarga sendiri. Logiknnya mana mungkin seseorang itu secara tiba-tiba bertukar menjadi ganas sehingga boleh memukul dan mencederakan orang lain tanpa sebarang sebab, punca mahupun pengaruh. Maka ibu bapa perlu lebih memberi perhatian dan kasih sayang kepada anak mereka yang menunjukkan sebarang ciri mahupun tingkah laku yang pelik dan berbeza. Jangan

meletakkan tugas ini di bahu guru sekolah semata-mata. Pastikan anak kita menerima bimbingan dan didikan yang sempurna. Masalah keluarga seperti perpisahan antara ibu dan bapa, keganasan rumahtangga seperti penderaan di rumah serta penglibatan ibu atau bapa dalam gejala negatif seperti dadah sering dilihat sebagai antara punca utama yang menghancurkan sesebuah keluarga yang sekali gus memberi kesan cukup mendalam kepada kehidupan sosial anak-anak mereka. Justeru kita berharap ibu bapa akan lebih bertanggungjawab dan jangan menjadikan anak sebagai mangsa keadaan kerana boleh menghancurkan masa depan mereka sama sekali.

Pada masa sama, peranan media elektronik seperti televisyen dan media sosial juga dilihat memainkan peranan yang penting dalam

menyumbang kepada peningkatan kes buli. Aksi ganas yang ditonjolkan dalam drama dan filem baik tempatan mahupun antarabangsa yang mudah diakses oleh remaja dan belia kita baik di televisyen, panggung wayang, YouTube serta media sosial yang lain dilihat mampu mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku anak kita. Mereka mudah meniru aksi terbabit dalam kehidupan seharian mereka tanpa menyedari kesan dan akibatnya kelak. Maka dalam hal ini pihak berkuasa perlu memikirkkan kaedah yang sesuai agar dapat menapis drama mahupun filem ganas supaya tidak mudah diakses oleh golongan muda terutamanya pelajar sekolah. Kita juga perlu terima hakikat betapa unsur gangsterisme juga sudah menular di sekolah akibat daripada pengaruh filem dan

drama yang juga turut menyumbang kepada budaya buli.

Dalam pada itu pengamatan penulis juga menunjukkan gejala buli terutama yang membabitkan pelajar sekolah banyak berlaku di sekolah asrama berbanding sekolah harian biasa. Ini menimbulkan persoalan apa yang tidak kena dengan persekitaran sekolah asrama di negara kita sehingga mendorong anak-anak kita yang cemerlang dalam akademik sehingga mampu masuk ke sekolah asrama boleh terjebak dalam gejala negatif seperti ini. Secara logiknnya pelajar yang cemerlang kebiasannya memiliki sahsiah dan tahap disiplin yang tinggi dan terpuji. Maka apa yang mendorong mereka tiba-tiba bertukar karakter menjadi ganas? Ini satu fenomena yang cukup unik dan menarik untuk diteliti dan dibuat kajian yang mendalam. Kita tidak mahu kelak ibu bapa memandang serong kepada sekolah berasrama penuh sehingga menjadi takut, fobia dan sudah tidak mahu lagi menghantar anak-anak mereka ke sekolah berasrama penuh. Sekali lagi pihak berwajib seperti

pentadbiran sekolah berasrama penuh dan Kementerian yang terbabit wajar melakukan naziran dan penilaian semula terhadap situasi dan persekitaran pembelajaran di sekolah-sekolah asrama di seluruh negara kita bagi mengetahui punca sebenar yang menyebabkan segelintir pelajar asrama penuh bertukar karakter menjadi ganas dan terbabit dengan budaya buli. Ringkasnya imej dan nama baik sekolah asrama perlu dipulihkan dengan segera.

Cukup-cukuplah apa yang didedahkan dan berlaku sebelum ini. Kita tidak mahu gejala buli terus menghantui masyarakat kita dan kita juga tidak mahu masa depan anak-anak kita terjejas angka tangan-tangan individu yang kurang perhatian dan kasih sayang sehingga boleh menjejaskan keselamatan dan masa depan anak-anak. Semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing untuk menangani gejala buli ini dari terus berleluasa di sekolah kita. Sekolah dan universiti sepatutnya menjadi antara tempat yang cukup selamat dengan persekitaran yang menarik dan mesra ilmu demi melahirkan golongan cerdas pandai negara kita.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM